

# Kahwin dan Masyarakat Berumah tangga

## Penyakit cemburu

Apa dia sebab-sebab yang menimbulkan cemburu dan bagaimana cara mengubatnya?

Soal ini dijawab dengan sejelas-jelasnya oleh makalah ini - P.Q.

Di antara sifat-sifat yang dapat membawa kesukaran dalam kehidupan berumah tangga ialah sifat cemburu yang telah terbentuk menjadi suatu penyakit batin di dalam jiwa seseorang manusia yang dihinggapinya. Orang yang dihinggapinya penyakit ini selalu hidup dalam keadaan kluatir dan cemas kalau-kalau isteri (suami) dicintainya akan lepas dari tangannya kerana direbut oleh orang lain.

Apabila seorang suami telah dihinggapinya oleh penyakit cemburu secara hebat, hilanglah ketenteraman jiwanya, sebab ia selalu digoda oleh berbagai sangka-sangka yang buruk terhadap isterinya. Dan mudahlah difaham, sebahagian besar dari kuasa fikiran orang yang seperti ini, di mana sahaja ia berada, (di tempat pekerjaan atau di luar rumahnya), kuasa fikirannya itu terpakai pada hal-hal yang tidak berguna, kerana hati dan pekerjaannya dipengaruhi oleh penyakit cemburu itu.

Demikian pula jika sekiranya seseorang perempuan yang dihinggapinya oleh penyakit cemburu, tak dapat tiada jiwanya selalu digoda oleh sangkaan-sangkaan yang dikarangnya sendiri, dan meracuni kebahagiaan hidupnya.

Banyak kemalangan dan persengketaan telah terjadi.

Dipandang dari segi jiwa, penyakit cemburu itu dapat membunuh cinta, kerana ia melanggar "kebiasaan"

diri orang yang dicintai itu, atau sekurang-kurangnya dapat merosakkan dasar cinta mencintai dengan sebab kekurangan kepercayaan terhadapnya.

Dalam kehidupan bersuami isteri, kita mestilah membezakan "cemburu yang sihat" (dalam bahasa Arab disebut "ghairah") dan cemburu yang dinamakan "penyakit". Apabila seseorang mempunyai sesuatu hak yang disayangi dan dicintai dengan sepenuh hati, lalu merasa cemas atau kluatir haknya itu akan lepas dari tangannya, maka rasa cemas itu boleh dinamakan penyakit. Cemburu yang sederhana seperti itu ialah tanda kasih sayang. Tetapi apabila rasa cemas itu telah melampaui batas lalu membakar hati terus-menerus, maka itu baharu dinamakan suatu penyakit batin.

Kesimpulannya, cemburu itu tidak ubahnya ibarat garam pada makanan. Tidak baik kurang, dan tidak boleh lebih, daripada ukuran yang semestinya. Makanan yang terlalu banyak garamnya, berubah menjadi asin dan pahit rasanya.

Ada suatu pernyataan yang harus timbul di hati tuan: Apakah ubatnya penyakit cemburu itu? Jawabnya kalau kita mahu mengubati penyakit cemburu

pada diri sendiri atau pada orang lain, maka yang pertama-pertama sekali patut diperhatikan ialah mempelajari sebab yang hakiki bagi penyakit itu.

Jika sekiranya cemburu itu disebabkan oleh jiwa yang terlalu mementingkan diri sendiri, maka ubatnya tentulah dengan jalan memperbaikinya dengan menghidupkan faham dan rasa yang beradab tertib.


Apabila cemburu itu disebabkan oleh kerana seseorang mempunyai perasaan rendah diri, sehingga kerana demikian, ia selalu merasa akan kalah sahaja berhadapan dengan saingan-saingan lain, hendaklah perasaan rendah diri itu dibaluti dan dikikis sebagaimana mestinya.

Jika sekiranya cemburu itu kerana hal-hal yang datang dari luar. Maka sebab-sebab atau hal-hal itulah

yang harus dijaga dan dihindarkan secara bijaksana.

Jika sekiranya cemburu itu timbul kerana buruk sangka terhadap orang lain, (barangkali kerana diri sendiri suka berbuat serong dan kerana itu timbullah syak bahawa orang-orang lain tentu semacam itu pula), insafilah bahawa bukan semua di dunia ini bersifat buruk dan jahat: dan bukan semua orang seperti dia tabiatnya. Agama pun tidak membenarkan cemburu semata-mata didasarkan atas buruk sangka terhadap orang lain.

Apabila semua sebab-sebab yang menimbulkan cemburu telah diperbaiki, mudah-mudahan sedikit demi sedikit penyakit itu dapat disembuhkan.



*Suatu pemandangan dalam majlis bahas anjuran Persatuan Kebudayaan Melayu Singapura.*